



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/16 (HQ)

PROJEK BAITI JANNATI TNB BANTU BERI KESELESAAN WARGA ASNAF DI PULAU PINANG

Selari dengan saranan kerajaan, iaitu membaiki rumah kediaman golongan sasaran yang memerlukan seperti orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sebanyak RM2.05 juta bagi melaksanakan Program Baiti Jannati iaitu dengan membaiki atau membina baru 50 buah rumah penerima yang layak di seluruh Semenanjung.

Sebanyak 20 buah rumah telah terlibat sejak tahun 2008 melibatkan kos melebihi RM600,000 di peringkat Negeri Pulau Pinang.

Manakala, pada tahun ini seramai empat orang penerima yang layak telah dikenal pasti dan dibantu iaitu di Sungai Pinang Balik Pulau, Kg. Air Melintas Besar di Pinang Tunggal dan dua lagi dalam proses kelulusan selanjutnya.

Seorang warga asnaf di sini, Abdul Aziz Jusoh jelas kelihatan gembira apabila TNB telah membina sebuah kediaman baru beliau dilengkapi tiga bilik tidur, ruang tamu yang selesa dan tandas yang lebih sempurna.

Pembinaan rumah baru ini telah dimulakan pada awal bulan Disember 2015 dan mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk disiapkan agar ianya mencapai tarikh sasaran kerja siap.

Ketua Jurutera Negeri (Pulau Pinang), Ismail Lahtifi Teh turut merakamkan penghargaan di Majlis Kesyukuran Projek Baiti Jannati TNB kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAIP) yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang baik dalam mengesah serta memperakukan calon-calon asnaf yang layak bagi program ini.

Turut hadir di majlis tersebut ADUN Kawasan Teluk Bahang, Y.B. Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah, Pegawai Pusat Urus Zakat MAIP, Mohamad Khairi Ghazali dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (Persekutuan) Kuala Sg. Pinang, Ismail Johar.

Dikeluarkan di Balik Pulau, Pulau Pinang pada 10 Mac 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*